

IZIN PERLU DIMINTA DULU —MAHATHIR

agama lebih sempurna kepada murid-murid.

Rasmikan

Terdahulu dari itu ketika merasmikan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Seri Amrur Diraja, di sini pagi tadi, Dr. Mahathir mengemukakan Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula pendekatan dan isi pelajaran perdagangan supaya lebih sesuai dan praktikal kepada kehidupan kanak-kanak sehari-hari.

Beliau telah mengeluarkan arahan kepada pegawai-pegawai di Kementerianya berbuat demikian.

Katanya murid-murid tidak saja mesti diajar apa yang berlaku di depan meja seorang taukeh kedai tetapi juga mesti mengetahui dengan mendalam apa yang berlaku di belakang meja itu.

Lebih

Beliau yakin dengan kesadaran kuat ibubapa dan penyampaian lebih berkesan dari guru, murid-murid Bumiputra dapat meresapkan pelajaran perdagangan lebih baik dan menandingi kaum lain walaupun pelajaran ini baru bagi kaum Bumiputra.

Beliau berharap dari situ, akan hilang perbezaan pembangunan kaum-kaum dan merapatkan semua kaum di negara ini.

Beliau mahu lebih ramai murid Bumiputra memilih mata pelajaran itu, terutama mereka dari luarbandar.

Dr. Mahathir menegaskan wang bagi murid-murid tidak ubah seperti mainan yang boleh ditukarkan dengan benda-benda lain yang dikehendaki.

Beliau bangga dengan kemajuan yang dicapai oleh sekolah tersebut.

ALOR SETAR, Khamis

orang yang tidak ada kelayakan dalam bidang dakwah agama dan mereka menggunakan pentas agama di sekolah-sekolah semata-mata untuk melepaskan perasaan geram dan keciwa mereka," katanya.

Kementerian Pelajaran, jelasnya, terpaksa mengeluarkan arahan kepada sekolah-sekolah supaya mendapatkan kebenaran dua minggu terlebih dulu dari Pejabat Pelajaran, kiranya hendak mengadakan syarahan agama di sekolah-sekolah untuk menyekat kegiatan serupa ini.

Langkah tersebut, tegas-

nya, bukan bertujuan menyekat kegiatan dakwah seperti yang dituduh oleh setengah golongan tetapi semata-mata untuk menyekat orang-orang yang menyalahgunakan dakwah Islam untuk kepentingan sendiri serta memesongkan fikiran murid-murid dari menumpu kepada pelajaran.

Dr. Mahathir berucap merasmikan Madrasah Sekolah Kebangsaan Dato Sharari, Kubang Rotan di sini petang ini.

Tugas mendidik agama kepada anak-anak, tegasnya, bukan semata-mata tanggungan Kerajaan dan guru atau sekolah tetapi tugas utama ibubapa atau penjaga murid-murid sendiri.

Dengan itu masyarakat tidak boleh menyerahkan tugas tersebut bulat-bulat kepada Kerajaan, tetapi hendaklah dipikul bersama.

Katanya dengan adanya madrasah di sekolah-sekolah, dapatlah guru agama memberi latihan

19 MAC 1976
TIMBALAN Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan Kerajaan terpaksa bertindak terhadap orang-orang memeralatkan kegiatan dakwah untuk memperjuangkan kepentingan sesuatu kumpulan atau peribadi.

Katanya, mereka ini menggunakan dakwah untuk mencetuskan rasa benci antara orang-orang Islam dan bukan Islam.

"Orang yang mengambil kesempatan ini kebanyakannya terdiri dari orang-